

Langkah tinggikan imej – Mahathir

TATASUSILA

GURU

KUALA LUMPUR 16 MEI

DISYOR

M.M. 17 MEI 1975
KEMENTERI Pelajaran, (Dr. Maha-

thir Mohamad hari ini mengesyorkan diadakan 'tatasusila' bagi semua kaum guru di negara ini sebagai langkah meninggikan imej dan status mereka.

Beliau berpendapat bahawa tatasusila ini boleh menjadi panduan yang lebih menyeluruh dan seragam kepada semua kaum guru di negara ini.

Berucap merasmikan perayaan Hari Guru peringkat kebangsaan di Dewan Tunku Abdul Rahman pagi ini, beliau mencadangkan supaya jawatankuasa perayaan Hari Guru peringkat kebangsaan tahun ini diberi tugas merangka tatasusila yang boleh diterima oleh semua guru dan pihak lain yang berkenaan.

"Saya percaya tatasusila ini dapat meninggikan imej dan status kaum guru jika ianya dipatuhi oleh kaum guru seluruhnya dengan penuh kesedaran dan kejujuran," katanya.

Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa menjadi tanggungjawab guru-guru sendiri untuk menjamin sejauh mana sumbangan mereka yang cemerlang terhadap perkembangan dan kemajuan pelajaran.

Kebolehan, sikap jujur dan perpaduan di kalangan guru-guru menjadi faktor utama untuk menjamin perkhidmatan yang lebih baik dapat mereka sumbangkan.

Memandangkan bilangan guru kian bertambah dan hampir berjumlah 80,000 orang sekarang, segala usaha hendaklah diadakan untuk menjamin supaya mutu perkhidmatan guru-guru tidak terjejas, malah bertambah baik, tambahnya.

Beliau juga menyentuh masalah tuntutan-tuntutan kaum guru dan menjelaskan bahawa kementeriannya pada masa ini belum dapat menyelesaikan beberapa tuntutan guru kerana terpaksa dikaji dengan teliti.

Kajian ini adalah perlu supaya segala implikasinya tidak berlawanan dengan prinsip-prinsip perkhidmatan dan tidak akan melahirkan lebih banyak masalah yang boleh merumitkan pelaksanaan dasar pelajaran.

Katanya, beliau sedar syarat-syarat perkhidmatan guru dalam jawatan mereka adalah perkara penting dan hendaklah dipelihara serta diperbaiki di mana-mana yang boleh kerana kemajuan pelajaran banyak bergantung kepada kepuasan bekerja di kalangan guru.

Kementeriannya, tambahnya tidak mengenyakan tuntutan-tuntutan tersebut tanpa sebab-sebab menasabah. Beliau berharap tuntutan-tuntutan itu tidak akan menjejaskan mutu perkhidmatan guru-guru kerana jika ia berlaku murid-murid akan rugi dan kemajuan pembangunan terhalang.

LIHAT MUKA 12 [Ruangan 3]

Guru digesa jangan pecah belah

U.M. 17 MEI 1975

Beliau menasihatkan kaum guru supaya mengelakkan diri berpecah-belahkan sama sendiri kerana tuntutan mereka belum dilayan atau tidak mendapat layanan yang memuaskan.

Dr. Mahathir menggesa mereka mengambil kesempatan dari ke-

ngan ibubapa. Persatuan ibubapa/guru boleh memainkan peranan yang positif berdasarkan laporan-laporan yang diterimanya mengenai kegiatan persatuan seperti itu.

majuan sains dan teknologi untuk menjalankan tugas sebagai guru yang cekap dan baik.

Guru-guru hendaklah melengkapkan diri dengan teknik pendidikan termoden kerana sebagai guru, mereka tidak harus ketinggalan zaman dan tidak dapat membimbing guru-guru atau murid-murid yang lebih muda.

Beliau juga mahu melihatkan mereka melibatkan diri dalam kegiatan masyarakat sekeliling seperti Rancangan Buku Hijau dan sebagainya.

Di samping itu, beliau juga menggesa guru-guru memelihara dan mengekukuhkan lagi hubungan dan kerjasama de-